



جابتن حال إحوال أكما مسلم قولا وقينغ

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG
LEBUH PANTAI
10300 PULAU PINANG

TELEFON : 04-2637200 / 04-2637900
FAKSIMILI: 04-2502810
(<http://jaipp.penang.gov.my>)

Ruj. Kami : JHEAIPP.D.700-3/1/2 (36)
Tarikh : 15 Safar 1440H
24 Oktober 2018M

39

Kepada Semua Pengurus/ Pentadbir Masjid

Assalammualaikum.wrt.wbth.

Y.Bhg Tan Sri/ Dato'/ Tuan,

MAKLUMAN BERKENAAN TABUNG DERMA YKN-TABUNG RAKYAT PALESTIN DALAM TEKS KHUTBAH SOLAT JUMAAT

Dengan hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, pihak JAKIM dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara (YKN) memohon kerjasama pihak JHEAIPP untuk menyampaikan mesej mengenai situasi semasa rakyat Palestin melalui Khutbah Jumaat serta membuat kutipan derma solat Jumaat bagi tujuan tersebut di seluruh masjid di negeri Pulau Pinang.

3. Sehubungan itu, dimohon pihak masjid untuk membacakan khutbah bertajuk "Harapan Palestin" pada tarikh 9 November 2018 (teks dimuatkan di dalam buku teks khutbah Siri 11/2018 yang telah diedarkan). Dimohon juga kerjasama pihak masjid untuk melancarkan kutipan derma Tabung Rakyat Palestin pada hari tersebut seterusnya menyalurkan hasil kutipan kepada:

Nama Pertubuhan: Yayasan Kebajikan Negara
Laman Web: <https://www.yknm.org/palestine>
Nama Bank: Alliance Islamic Bank Bhd
No Akaun: 16014 001 001 1300

4. Untuk makluman, khutbah tersebut telah pun disemak oleh Sidang Panel Semakan Teks Khutbah Pulau Pinang yang dipengerusikan Dato' Seri Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Yang Dipertua, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang juga telah memberi kebenaran berkaitan kutipan derma bagi Tabung Rakyat Palestin tersebut.

Per: MAKLUMAN BERKENAAN TABUNG DERMA YKN-TABUNG RAKYAT
PALESTIN DALAM TEKS KHUTBAH SOLAT JUMAAT

Kerjasama pihak Y.Bhg Tan Sri/ Dato'/ Tuan amat dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

"BERKHIDIMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(HAJI YUSOPE BIN HAJI ABU BAKAR)
Pemangku Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang